



Bank Pilihan Anda

## SOALAN LAZIM

### KEMPEN “BELANJA SEKOLAH 2025”

#### (KATEGORI PEMEGANG KAD)

##### **1. Apakah itu kempen “BELANJA SEKOLAH 2025”?**

Kempen ini merupakan satu kempen khas untuk pemegang Kad Debit-i atau Kad Kredit-i Bank Rakyat yang berbelanja di sekolah-sekolah yang terlibat dalam program sekolah tanpa tunai Bank Rakyat.

##### **2. Bilakah kempen ini berlangsung?**

Kempen ini bermula pada 1 Mac 2025 hingga 30 November 2025, termasuk kedua-dua tarikh tersebut.

Kempen ini dibahagikan kepada 3 Bulan Kempen. Bulan Kempen Merujuk kepada;

Bulan Kempen	Tempoh
1	1 Mac 2025 – 31 Mei 2025 (termasuk kedua-dua tarikh)
2	1 Jun 2025 – 31 Ogos 2025 (termasuk kedua-dua tarikh)
3	1 September 2025 – 30 November 2025 (termasuk kedua-dua tarikh)

##### **3. Siapakah yang layak untuk menyertai kempen ini?**

Kempen ini melibatkan semua pemegang Kad Debit-i dan Kad Kredit-i Bank Rakyat yang berbelanja di dalam kawasan sekolah yang terlibat. Senarai penuh sekolah yang terlibat boleh disemak di laman sesawang Bank Rakyat. Sekolah yang baru menyertai program sekolah tanpa tunai Bank Rakyat semasa tempoh kempen ini berjalan masih boleh mengambil bahagian dalam kempen ini.

##### **4. Bagaimana cara untuk menyertai kempen ini?**

Penyertaan adalah secara automatik. Pemegang kad harus membuat pembayaran kepada peniaga (Kantin atau Koperasi) di dalam kawasan sekolah yang dilengkapi dengan POS Terminal Bank Rakyat menggunakan Kad Debit-i atau Kad Kredit-i Bank Rakyat dengan jumlah minimum RM5.

##### **5. Apakah hadiah yang ditawarkan menerusi kempen ini?**

Hadiah yang ditawarkan bagi kategori Pemegang Kad adalah seperti berikut:

Bulan Kempen	Kategori Hadiah	Hadiah	Jumlah Pemenang
1	Hadiah Utama	RM300	3 Pemenang
	Sagu hati	RM100	30 Pemenang
2	Hadiah Utama	RM300	3 Pemenang
	Sagu hati	RM100	30 Pemenang
3	Hadiah Utama	RM300	3 Pemenang
	Sagu hati	RM100	30 Pemenang
Jumlah keseluruhan Pemenang			99 Pemenang

**6. Bagaimakah pemilihan pemenang dilakukan?**

Pemilihan pemenang akan dilakukan menggunakan sistem cabutan undian Bank Rakyat. Setiap Pemegang Kad yang layak akan disenaraikan dan cabutan undian akan dilakukan melalui sistem.

Semua pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon atau kaedah lain yang dianggap bersesuaian oleh pihak penganjur.

**7. Adakah Pemegang Kad boleh memenangi hadiah lebih daripada satu (1) kali sepanjang Tempoh Kempen?**

Tidak boleh.

**8. Bagaimakah cara pemberian hadiah kepada pemenang?**

Bank Rakyat akan mengreditkan ganjaran tunai ke dalam Akaun Simpanan-i atau Akaun Kad Kredit-i atau Akaun Pelaburan-i pemenang.

**9. Bilakah pengunguman pemenang akan dibuat?**

Pemenang akan diumumkan dalam masa enam puluh (60) hari selepas setiap Bulan Kempen.

**10. Adakah hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini boleh dipindah milik kepada pihak ketiga?**

Tidak boleh.

**11. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?**

Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung kempen ini boleh didapati di:

- Laman sesawang Bank Rakyat [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my)
- Pusat Panggilan di talian 1 300 80 5454
- Pusat Kad Bank Rakyat 03 2693 6880
- Laman sosial Bank Rakyat (Instagram/Facebook)